

Perkara-perkara Berkenaan Keselamatan

Keselamatan anda dan keselamatan orang lain adalah sangat penting. Pengendalian kenderaan ini secara selamat adalah tanggungjawab yang penting. Untuk membantu anda meningkatkan pengetahuan berkenaan keselamatan, kami telah menyediakan prosedur pengendalian dan maklumat pada label-label keselamatan dan di dalam manual ini. Maklumat ini memberi amaran kepada anda mengenai potensi bahaya yang mampu mencederakan anda atau yang lain. Sudah pasti, adalah tidak praktikal atau sesuai untuk memberitahu semua amaran berkaitan bahaya sebuah kenderaan. Anda perlu menggunakan penilaian sendiri dengan baik.

Anda akan menjumpai maklumat keselamatan penting di dalam pelbagai bentuk termasuk:

- Label-label keselamatan pada kenderaan
 - Mesej-mesej Keselamatan yang didahului dengan simbol amaran keselamatan  dan satu daripada tiga perkataan isyarat: BAHAYA, AMARAN, atau AWAS.
- Perkataan isyarat ini bermakna:

BAHAYA

Anda AKAN TERBUNUH atau CEDERA PARAH jika anda tidak mengikut arahan.

AMARAN

Anda MUNGKIN AKAN TERBUNUH atau CEDERA PARAH jika anda tidak mengikut arahan.

AWAS

Anda MUNGKIN AKAN TERCEDERA jika anda tidak mengikut arahan.

Maklumat-maklumat lain telah diberikan di bawah tajuk berikut:

NOTIS

Maklumat ini membantu anda mengelakkan kerosakan pada kenderaan anda, lain-lain harta atau persekitaran.